



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
KERAJAAN TEMPATAN

PERKHIDMATAN ASAS TERBAIK JADI MISI UTAMA KPKT 2023



Pada 9 Januari 2023 – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan memastikan perkhidmatan asas Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti jalan raya rata, kebersihan tandas awam, lampu terang dan longkang bersih sebagai antara misi utama untuk menyampaikan khidmat terbaik kepada rakyat. Ini termasuklah memastikan jalan raya rata dan tidak berlubang, pemasangan lampu yang terang, longkang yang bersih dan tidak tersumbat serta tandas-tandas awam yang bertaraf 'BMW' iaitu Bersih, Menawan dan Wangi.

YB Tuan Nga Kor Ming (KM), Menteri KPKT berkata, masalah jalan raya berlubang, lampu jalan yang malap atau tidak menyala, longkang tersumbat sehingga menyebabkan banjir kilat, tandas awam yang gagal bertaraf BMW (bersih, menawan dan wangi) adalah isu utama bagi orang awam. "Walaupun empat perkara ini kelihatan asas dan ringkas, tetapi ianya sentiasa dekat di hati rakyat. Penyelesaian kepada isu ini menjadi kayu pengukur kepada kecekapan Kerajaan Tempatan dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat," katanya dalam ucapan Majlis Amanat Tahun Baharu YB Menteri KPKT 2023 di sini, hari ini.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Datuk M Noor Azman Taib, Ketua Setiausaha KPKT serta pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan, Agensi, wakil-wakil daripada 155 PBT di seluruh Negara secara bersemuka dan dalam talian.

Dalam majlis sama, YB KM telah memperkenalkan tiga slogan (tagline) baharu Kementerian iaitu **#StrongerTogether**, **#UnityInDiversity** dan **#DemiPertiwi** :

#StrongerTogether : Memacu kejayaan dengan mengukuhkan semangat kerjasama berpasukan warga KPKT yang telah terjalin selama ini. Seluruh warga KPKT diseru untuk bekerja erat, berganding bahu untuk menjadi lebih teguh bersama.

#UnityInDiversity : Kemajmukan etnik dan agama merupakan suatu kekuatan dan bukan penghalang kepada warga KPKT untuk bekerja sebagai satu pasukan yang kukuh dan bersatu hati. Kepelbagaian ini dilihat sebagai pemangkin bagi meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan kementerian yang lebih cemerlang.

#DemiPertiwi : Membawa kecemerlangan perkhidmatan dengan berpaksikan kepada tanah air yang tercinta.

Sebulan dalam perkhidmatan, YB KM telah melakukan beberapa lawatan spontan dan tinjauan untuk melihat sendiri penyelenggaraan Pihak Berkuasa Tempatan khususnya tahap kebersihan tandas, pencahayaan kawasan awam, jalan raya, dan longkang yang sentiasa berfungsi bagi menebat kejadian banjir kilat.

Lapan tindakan segera YB KM adalah seperti berikut:

1. Melakukan tinjauan mengejut (spot check) dan menggesa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) meningkatkan tahap kebersihan bagi 18,000 buah tandas awam di seluruh negara.
2. Menubuhkan Special Task Force untuk menyelesaikan 550 projek perumahan sakit.

3. Membuat lawatan spontan ke kawasan tumpuan pelancong asing di Kuala Lumpur dan mengarahkan syarikat konsesi untuk melakukan pemantauan masalah sampah secara 24 jam.
4. Menggesa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mencari penyelesaian kepada 25 hotspot banjir kilat di ibu kota.
5. Tindakbalas pantas ketika bencana khususnya kejadian tanah runtuh di Batang Kali dan situasi banjir ketika Monsun Timur Laut melanda seluruh negara.
6. Menghargai perkhidmatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan komited untuk meningkatkan kebajikan anggota bomba.
7. Mengisi semua jawatan 39 orang Presiden Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Tribunal Pengurusan Strata bagi mempercepatkan penyelesaian tuntutan.
8. Bersama DBKL mengenal pasti 260 projek pembersihan dan pengindahan yang bernilai RM100 juta

Pada masa yang sama YB KM juga menggariskan supaya tatacara pengendalian Prosedur Operasi Standard (SOP) lebih mudah diikuti dan diaplikasikan oleh orang awam.

“Saya juga mahukan supaya garis panduan, dasar, peraturan dan SOP yang dilaksanakan haruslah menambah kecekapan dan memperbaiki penyampaian perkhidmatan. Ia sepatutnya semakin menyenangkan dan mengurangkan beban rakyat dan bukan sebaliknya.”

Penerapan nilai-nilai murni budaya Melayu yang sebenar ke dalam budaya kerja KPKT

Dalam ucapannya juga, YB KM menegaskan bahawa KPKT akan mengambil pendekatan penerapan nilai-nilai murni yang selari dengan budaya Melayu seperti ringan tulang, sopan santun, berbudi bahasa, berjimat-cermat, saling hormat-menghormati, kepimpinan melalui teladan dan menyayangi alam sekitar.

"Nilai-nilai murni budaya Melayu harus menjadi amalan teras dalam budaya kerja warga KPKT. Saya percaya nilai-nilai sejagat ini yang terpakai untuk semua kaum akan sekali gus memperbaiki penyampaian perkhidmatan, " katanya.

Pendekatan Kementerian menggunakan konsep 'ABCD'

Seterusnya, YB KM menerangkan konsep pendekatan pentadbiran KPKT yang dirangkumkan sebagai 'ABCD' iaitu:

- A: Amanah, Adil dan Arif;
- B: Bersih dan Bela;
- C: Cekap, Cergas dan Cepat; dan
- D: Disiplin.

“Melalui gabungan budaya kerja dan pendekatan Kementerian melalui konsep 'ABCD', saya yakin kementerian ini akan terus berdaya saing untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada seluruh rakyat Malaysia,” katanya.

Meningkatkan langkah-langkah penjimatan

Berikutan dengan ramalan kemelesetan ekonomi global, KPKT akan mengambil langkah-langkah penjimatan seperti berikut:

- a) bersederhana dalam penganjuran majlis dan mengelakkan keraian mewah;
- b) tidak melakukan pengubahsuaian yang tidak diperlukan; dan
- c) merancang projek secara lebih teliti untuk memastikan unjuran yang tepat bagi mengelakkan peningkatan kos yang mendadak.



Tujuh Bidang Fokus Baharu

KPKT YB KM juga menerangkan tujuh (7) bidang fokus Kementerian:

BIDANG FOKUS PERTAMA – Membangun Dan Memperkasa Peranan Kerajaan Tempatan

KPKT komited untuk terus membantu membangun dan memperkasa peranan kerajaan tempatan agar lebih berintegriti, berwibawa supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih efisien dan cepat kepada rakyat.

BIDANG FOKUS KEDUA – Membangun Potensi PBT Bagi Menjana Sumber Pendapatan Tambahan Negara

KPKT akan memberikan kerjasama penuh bagi membangun potensi PBT sebagai organisasi kukuh kewangan, dapat merencanakan aktiviti ekonomi setempat dan meningkatkan daya ekonomi supaya PBT dapat berdiri sendiri dan kurang bergantung kepada Kerajaan Negeri mahupun Persekutuan.

BIDANG FOKUS KETIGA – Perancangan Perumahan Yang Lebih Komprehensif Dan Berdaya Saing

KPKT akan memperluas pelaksanaan strategi malah jika perlu, merangka strategistrategi di luar kebiasaan bagi meneroka cara baharu dan membawa masuk elemen inovasi dalam menangani masalah perumahan dewasa ini. Sebagai contoh, golongan kurang berkemampuan bukan sahaja layak mendiami rumah mampu milik tetapi dengan penyediaan kemudahan akses kepada rumah yang lebih mesra, memungkinkan rakyat di setiap peringkat mendapat rumah idaman mereka. Sudah tentu banyak perbincangan dan penelitian dibuat terlebih dahulu dalam kalangan pemain perumahan.

BIDANG FOKUS KEEMPAT – Pemerksaan Komuniti Tanpa Mengira Kaum

KPKT akan terus memperkasakan komuniti agar peranan komuniti dalam pembangunan bandar dapat ditingkatkan. Peranan komuniti dalam negara Malaysia yang berbilang kaum ini adalah sangat penting dalam menggerakkan agenda Kerajaan. Pelbagai program dan kempen kesedaran perlu diperbanyakkan supaya semua ahli dalam komuniti dapat memainkan peranan masing-masing seperti dalam aspek kebersihan, pengurusan sampah, keselamatan, isu bencana alam dan banyak lagi.

BIDANG FOKUS KELIMA – Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu Yang Lebih Efektif Dan Efisyen Bagi Menghasilkan Pelaksanaan Ke Arah Ekonomi Kitaran

Pengurusan sisa pepejal yang lebih efektif dan efisyen dapat dicapai dengan memberi fokus kepada kaedah pengurusan yang menjurus ke arah ekonomi kitaran. Pilihan kepada alternatif terbaik dalam menguruskan sisa pepejal negara melalui kaedah berteknologi tinggi juga akan diteliti. Ini penting dalam memastikan supaya Malaysia dapat menguruskan sisa pepejal dengan lebih ekonomikal seterusnya membantu mengurangkan beban kewangan Kerajaan.

BIDANG FOKUS KEENAM – Memperkukuh Agenda Bandar Mampan Dan Pintar Ke Arah Perbandaran Baharu

KPKT komited untuk memperkukuhkan agenda bandar yang inklusif, selamat, berdaya tahan, pintar dan mampan. Pencapaian dan keberkesanan yang dicapai di dalam

Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) khususnya SDG 11 antara lain melalui Rancangan Fizikal Negara ke-4 (RFN4) dan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia 2019-2025- akan diteliti oleh pihak kementerian. Ia menekankan 7 elemen utama *iaitu smart government, smart economy, smart living, smart mobility, smart environment, smart people dan smart digital infrastructure.*

BIDANG FOKUS KETUJUH – Memperkukuh Kesiapsagaan Kebombaan Dan Penyelamatan Yang Sejahtera

KPKT juga terus memberikan komitmen yang jitu memperkukuhkan kesiapsiagaan kebombaan dan penyelamatan agar pasukan bomba dan penyelamat dapat memberi perkhidmatan secara cekap dan berkesan. Ini merangkumi keperluan penambahan dan naik taraf peralatan kebombaan, penambahan balai bomba serta peningkatan kompetensi pasukan itu sendiri.

Penghargaan kepada anggota Bomba

Pada majlis yang sama, YB KM menyampaikan Sijil Penghargaan Tragedi Tanah Runtuh Batang Kali kepada YS TPjB Dato' Nor Hisham bin Mohamad, Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat bagi mewakili 537 anggota Bomba serta Unit Pengesanan JBPM (K9) yang bertugas mencari dan menyelamatkan



dalam tragedi yang meragut 31 nyawa pada 16 Disember 2022. Sijil Penghargaan turut diterima oleh PPjB Wan Md Razali bin Wan Ismail, Timbalan Pengarah JBPM Negeri Selangor mewakili JBPM Negeri Selangor.

YB KM kemudian menyempurnakan Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Bomba kepada Allahyarham TPgB Abd Aziz Usoff yang diwakili oleh anaknya iaitu Abdul Hariz bin Abdul Aziz. Allahyarham merupakan Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Rawang yang terlibat dalam operasi mencari dan menyelamatkan dalam tragedi Tanah Runtuh Batang Kali.

Pelancaran Anugerah Kecemerlangan Menteri KPKT 2023

YB KM turut melancarkan Anugerah Kecemerlangan Menteri KPKT untuk semua warga Kementerian. Anugerah Kecemerlangan Menteri KPKT adalah anugerah pengiktirafan tertinggi untuk seluruh warga kementerian dan ia bakal diadakan menjelang hujung tahun ini. Anugerah ini merupakan insentif bagi semua kakitangan dan pegawai untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang.

“Anugerah ini saya wujudkan bagi menghargai jasa dan mengiktiraf sumbangan warga KPKT dalam menjalankan tugas dan meningkatkan imej kementerian,” katanya lagi.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat